

16 FEB 2001

KUMPULAN KERETA MINI DARI KELANTAN SERTAI PERHIMPUNAN PATRIOTISME

KOTA BAHARU, 16 Feb (Bernama) -- Sebanyak 20 kereta mini dan 30 motosikal berkuasa tinggi berlepas dari sini hari ini menuju ke ibu negara sebagai sebahagian daripada acara Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di Stadium Malawati Shah Alam, Selangor, Ahad ini.

Kumpulan kereta mini dengan 45 peserta itu adalah dari Persatuan Kereta Mini Negeri Kelantan manakala kumpulan motosikal itu terdiri belia di negeri itu.

Pemandu-pemandu kereta mini itu dilepaskan oleh Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Saari Salleh di Kompleks Belia dan Sukan Panji di sini, pada 9 pagi tadi manakala kumpulan penunggang motosikal menunggu di Pasir Puteh, 25 km dari sini.

Mereka akan bergabung dengan kumpulan serupa di Terengganu dan Pahang untuk sama-sama ke Shah Alam.

Perhimpunan Alaf Baru anjuran Majlis Belia Malaysia dengan penyertaan belia seluruh negara, dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

BD MAI